

SIARAN AKHBAR

EMBARGO SEHINGGA 26 FEBRUARI 2015, 10.30 PAGI

KEYAKINAN PELABUR KEKAL TINGGI

Rekod Baru RM235.9 bilion Bagi Pelaburan Langsung untuk Tahun 2014

Malaysia menyaksikan tahap pelaburan yang memberangsangkan pada tahun 2014 dengan pelaburan langsung baru yang diluluskan mencapai jumlah sebanyak RM235.9 bilion daripada RM219.4 bilion pada tahun 2013. Ini merupakan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Prestasi pelaburan negara pada tahun 2014 melebihi sasaran purata pelaburan tahunan sebanyak RM148 bilion yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sebanyak RM171.3 bilion (72.6%) adalah terdiri daripada pelaburan domestik langsung (DDI), manakala RM64.6 bilion (27.4%) adalah dari sumber asing (FDI). Nisbah pelaburan asing dan domestik adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan domestik secara aktif, seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Ke-10.

Sektor perkhidmatan menyumbang bahagian terbesar daripada jumlah pelaburan, menyumbang 63.4% atau RM149.6 bilion, diikuti oleh sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM71.9 bilion atau 30.5%, manakala sektor utama menyumbang sebanyak RM14.4 bilion (6.1%).

Jumlah pelaburan yang diluluskan adalah dalam 5,942 projek dan dijangka menjana kira-kira sebanyak 178,360 peluang pekerjaan, terutama di dalam industri berteknologi tinggi dan industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Sektor perkhidmatan menyumbang bahagian terbesar daripada jumlah potensi pekerjaan dalam ekonomi dengan 98,540 peluang pekerjaan atau 55.3%, diikuti oleh sektor perkilangan dengan 78,340 peluang pekerjaan (43.9%) dan sektor utama dengan 1,480 peluang pekerjaan (0.8%).

Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan Malaysia terus berkembang pada tahun 2014, menarik 5,059 projek yang diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM149.6 bilion. Pelaburan domestik mendahului dengan RM131.9 bilion atau 88% daripada jumlah pelaburan.

Sektor ini merangkumi pelbagai jenis perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau, operasi hab global, perkhidmatan sokongan, syarikat berstatus MSC, hartanah (perumahan), utiliti, perkhidmatan pengangkutan, telekomunikasi, perdagangan pengedaran, hotel dan pelancongan, kewangan, kesihatan dan pendidikan.

Dalam sektor ini, subsektor hartanah terus menjadi penyumbang utama dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM88.5 bilion, diikuti oleh utiliti (RM9.1 bilion), perdagangan pengedaran (RM8.7 bilion), perkhidmatan kewangan (RM 6.9 bilion) serta hotel dan pelancongan (RM6.7 bilion).

Pada tahun 2014, MIDA telah meluluskan 227 projek pertubuhan serantau dengan pelaburan sebanyak RM3.2 bilion. MIDA juga telah meluluskan tujuh (7) projek yang akan menjadikan Malaysia Hab Operasi Global mereka dengan pelaburan bernilai RM2.4 bilion. Operasi global dan serantau ini akan menyediakan perkhidmatan profesional yang merangkumi pengurusan rantai bekalan, pengurusan kewangan & perbendaharaan, dan perkhidmatan data & maklumat untuk rangkaian global syarikat mereka. Penubuhan pusat-pusat perolehan antarabangsa dan pusat pengedaran serantau juga akan meningkatkan penggunaan pelabuhan/lapangan terbang dan secara tidak langsung akan menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat logistik tempatan, dan seterusnya, membuka lebih peluang pekerjaan dalam sektor logistik.

Insentif Hub Utama yang baru diperkenalkan pada awal tahun 2015 juga dijangka menyokong pertumbuhan berterusan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan serantau dalam persekitaran yang sangat kompetitif pada hari ini.

Pelaburan dalam Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan Malaysia terus menarik sejumlah besar pelaburan pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak 38% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013. Projek-projek baru menyumbang sebanyak 60.5% daripada jumlah projek perkilangan yang diluluskan, dengan pelaburan berjumlah RM43.5 bilion dalam 450 projek. Ini menunjukkan Malaysia terus menjadi lokasi pilihan bagi aktiviti perkilangan bernilai ditambah tinggi.

Syarikat-syarikat yang sedia ada di Malaysia juga terus berkembang dan mempelbagaikan operasi mereka, mencerminkan keyakinan berterusan mereka dengan persekitaran pelaburan di negara ini. Sejumlah 361 projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM28.4 bilion telah diluluskan pada tahun 2014, mencakupi 39.5% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan tertumpu kepada produk petroleum termasuk petrokimia (RM16.0 bilion), produk elektrik dan elektronik (E&E) (RM11.1 bilion), kimia dan produk kimia (RM10.8 bilion), produk logam asas (RM9.9 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM5.6 bilion), produk galian bukan logam (RM3.4 bilion), pengilangan makanan (RM2.8 bilion) dan mesin dan peralatan (RM2.5 bilion). Kesemua industri-industri ini, kecuali kelengkapan pengangkutan dan pembuatan makanan, mencatatkan pelaburan yang lebih tinggi pada tahun 2014 berbanding 2013.

Projek berintensif modal mendominasi pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan pada tahun 2014. Sebanyak 15 projek dengan pelaburan sebanyak sekurang-kurangnya RM1.0 bilion atau lebih telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM40.3 bilion. Pelaburan ini merupakan 56.1% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Bagi pelaburan sebanyak sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih, terdapat 72 projek yang diluluskan. Jumlah pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah RM19.4 bilion atau 27%.

Malaysia terus menarik tahap pelaburan asing yang menggalakkan dalam sektor perkilangan meskipun berdepan dengan kelembapan ekonomi global. Pelaburan asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan berjumlah RM39.6 bilion atau 55.1% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tahun ini.

Jepun merupakan pelabur asing terbesar pada tahun 2014 dengan pelaburan sebanyak RM10.9 bilion dalam 55 projek, diikuti oleh Singapura (RM7.8 bilion dalam 121 projek), China (RM4.8 bilion dalam 24 projek), Jerman (RM4.4 bilion dalam 13 projek), dan Republik Korea (RM1.5 bilion dalam 11 projek). Kelima-lima negara ini menyumbang sebanyak 74.2% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2014.

Peralihan tenaga kerja dalam sektor perkilangan telah pun berlaku dengan peningkatan dalam pekerjaan berkemahiran tinggi, yang membentuk 84.4% daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan. Ini termasuk peluang

pekerjaan untuk 11,300 rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan teknikal dan sains untuk jurutera E&E, mekanikal dan kimia, serta ahli-ahli sains dan penyelidik. Projek-projek perkilangan yang diluluskan juga akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 48,470 tukang mahir, khususnya penyelia penyelenggaraan kilang, pembuat 'tools and dies', tukang mesin, kakitangan IT, penyelia kualiti, juruelektrik dan pengimpal. Pekerjaan yang disediakan di bawah kategori ini akan memberi peluang kepada belia Malaysia yang mempunyai kelayakan vokasional.

Projek-projek baru yang diluluskan pada tahun 2014 menjadikan jumlah bilangan projek-projek perkilangan yang diluluskan dalam tempoh lima tahun 2010-2014 berjumlah 4,158. Daripada jumlah ini, 3,203 atau 77% projek telah dilaksanakan setakat ini. Jumlah pelaburan modal dalam projek-projek ini berjumlah RM172.9 bilion. Sebanyak 777 projek lagi di peringkat pengambilalihan tapak atau dalam peringkat perancangan aktif. Sebahagian besar projek-projek yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun tersebut (2010-2014) adalah merangkumi industri E&E, produk logam asas, kimia dan produk kimia, peralatan pengangkutan dan pengeluaran makanan.

Pelaburan dalam Sektor Utama

Pada tahun 2014, sektor utama telah menarik pelaburan bernilai RM14.4 bilion. Sektor ini terdiri daripada tiga sub-sektor iaitu pertanian, perlombongan, dan perladangan dan komoditi. Pelaburan oleh sumber-sumber asing berjumlah RM7.3 bilion atau 50.6% manakala pelaburan domestik menyumbang RM7.1 bilion atau 49.4%.

Subsektor perlombongan mendahului dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM13.4 bilion dalam 36 projek, diikuti oleh sub-sektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan sebanyak RM724 juta, dan sub-sektor pertanian yang membentuk baki seluruh pelaburan yang diluluskan. Pelaburan dalam minyak sawit pada tahun 2014 berjumlah RM462 juta, peningkatan tiga kali ganda daripada pelaburan pada tahun lepas iaitu sebanyak RM107 juta.

Melangkah ke Hadapan

Asas-asas ekonomi Malaysia kekal kukuh dalam persekitaran luaran yang mencabar. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan ekonomi global berkembang sebanyak 3.5% pada tahun ini. UNCTAD juga meramalkan ketidaktentuan dalam trend aliran FDI global pada tahun 2015. Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan sebanyak 4.5% ke 5.5% pada tahun 2015.

Sebagai 'single window' untuk pelaburan di Malaysia, MIDA akan terus meningkatkan lagi fungsi penyelarasan pusat, dalam menarik pelaburan berkualiti, iaitu asing dan domestik.

Kerajaan akan terus memperkenalkan pelbagai langkah untuk meningkatkan daya saing Malaysia untuk menghadapi cabaran dan peluang di dalam dan luar negeri. Langkah-langkah ini meliputi penambahbaikan polisi pelaburan, 'enablers', insentif fiskal dan bukan fiskal, serta terus bekerjasama dan melibatkan diri dengan pemain industri dan pihak berkepentingan untuk menarik pelabur dalam semua sektor ekonomi.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan mengukuhkan ekosistem bagi menarik projek-projek pelaburan yang berkualiti, tanpa mengabaikan kepentingan jumlah pelaburan. Usaha akan terus dipergiatkan lagi untuk memudahkan dan merealisasikan pelaksanaan pelaburan berkualiti yang telah diluluskan.